



Anwar mengadakan perbincangan dengan Maris di Putrajaya, kelmarin.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

PM cadang wujud Zon Ekonomi Khas Malaysia - Thailand

SEZ perlu babitkan sektor swasta, syarikat pemula tarik banyak pelaburan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan supaya diwujudkan Zon Ekonomi Khas (SEZ) Malaysia-Thailand dengan pembabitkan sektor swasta dan syarikat pemula.

Cadangan itu disampaikan Perdana Menteri ketika menerima kunjungan hormat Menteri Luar Thailand, Maris Sangiampongsa, di pejabatnya, di sini kelmarin.

"Selain sektor getah dan makanan, turut dicadangkan penubuhan SEZ termasuk penglibatan sektor swasta dan syarikat pemula. Sayugia, pembabitkan mereka boleh menarik lebih banyak pelaburan ke dalam SEZ.

"Malah saya mencadangkan supaya Kelantan mengambil peluang membina ruang perniagaan di sepanjang Sungai Golok," katanya menerusi perkongsian di Facebook, semalam.

Anwar berkata, beliau dan Maris turut berbincang mengenai pengorekan muara Sungai Golok bagi menangani isu banjir bertujuan membantu komuniti di sepanjang sempadan yang menghadapi bencana itu hampir setiap tahun.

"Saya juga menyatakan komit-

men Malaysia terhadap Proses Dialog Keamanan Selatan Thailand. Kedua-dua negara juga bersejua untuk Malaysia menjadi tuan rumah Perundingan Tahunan Ke-7 pada 19 September 2024," katanya.

Selain itu, Anwar juga membincangkan hasil lawatan kerjanya bersama Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisn ke Sungai Golok, Thailand dan Rantau Panjang, Kelantan, minggu lalu.

"Moga hubungan kedua-dua negara berjiran ini terus utuh dan kekal harmoni," katanya.

Sabtu lalu, Anwar dan Srettha mengadakan lawatan kerja ke Rantau Panjang dan Sungai Golok bertujuan menilai kemajuan

projek naik taraf jambatan menghubungkan kedua-dua kawasan, iaitu satu daripada inisiatif utama kesalinghubungan sempadan kedua-dua negara.

Hasil lawatan itu, beliau mengumumkan Malaysia dan Thailand setuju melaksanakan pembersihan Sungai Golok bagi mengatasi masalah banjir, sekali gus bakal memberi banyak manfaat kepada penduduk terutama di Rantau Panjang dan Narathiwat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sudah bersedia dari segi kewangan dan langkah pertama yang perlu diambil ialah secara teknikal supaya sungai dapat segera diurus dan mengalir dengan baik bagi mengelak berlaku timbunan yang menyekat aliran.